



GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN DASAR MEMARTABATKAN
BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA
INGGERIS**

TAHUN 2012

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DASAR MBMMBI

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 12/2011 Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bertarikh 4 November 2011 yang menjelaskan pelaksanaan Dasar MBMMBI. Di bawah dasar MBMMBI, pengajaran sains dan matematik dilaksanakan dalam bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah, bahasa Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Bagi melicinkan pelaksanaan dasar tersebut dalam tempoh peralihan ini, garis panduan berikut disediakan bagi membantu pihak sekolah untuk membuat keputusan tentang pemilihan bahasa dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) sains dan matematik. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI Bil. 12/2011.

1. Pihak sekolah boleh meneruskan p&p bagi sains dan matematik berdasarkan situasi semasa yang sedang dijalankan di peringkat sekolah masing-masing, iaitu:
 - 1.1 Kelas yang menggunakan bahasa Malaysia dalam p&p sains dan matematik hendaklah terus menggunakan bahasa tersebut; atau
 - 1.2 Kelas yang menggunakan bahasa Inggeris dalam p&p sains dan matematik juga boleh terus menggunakan bahasa tersebut; atau
 - 1.3 Bagi kelas yang menggunakan dwibahasa, penggunaan bahasa Malaysia amat digalakkan. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan bagi menerangkan istilah dan konsep.
 - 1.4 Murid dibenarkan untuk meneruskan p&p sains dan matematik dalam bahasa yang diikuti sebelum ini.
2. Pemilihan penggunaan bahasa Inggeris dalam p&p sains dan matematik tertakluk kepada kesediaan guru dan murid di peringkat sekolah.
 - 2.1 Kesediaan guru bermaksud kompetensi guru yang sedia ada di sekolah untuk mengajar dalam bahasa Inggeris.
 - 2.2 Jawatankuasa Kurikulum Sekolah mempertimbangkan kesediaan murid untuk mengikuti p&p dalam bahasa Inggeris.

3. Pihak sekolah dibenarkan untuk menentukan bilangan kelas yang akan melaksanakan p&p sains dan matematik dalam bahasa Inggeris/bahasa Malaysia berdasarkan keputusan Jawatankuasa Kurikulum Sekolah.
4. Sekolah diminta menggunakan glosari yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha untuk menerangkan istilah dan konsep sains dan matematik dalam pengajaran:
 - 4.1 Sekolah akan dibekalkan dengan buku glosari bagi membantu p&p sains dan matematik;
 - 4.2 Sekolah juga boleh memuat turun glosari daripada laman web Kementerian Pelajaran.
5. Pengetua sekolah yang menerima murid baru Tingkatan 1 hendaklah mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam p&p sains dan matematik semasa murid tersebut berada di Tahun 6.
6. Bagi tujuan pendaftaran/penempatan murid ke Tingkatan 1, dasar dan prosedur penempatan yang sedia ada dikekalkan. Urusan pendaftaran murid Tingkatan 1 perlu dilaksanakan pada awal bulan Disember – sila rujuk lampiran.
7. Sekiranya terdapat permohonan pertukaran sekolah berdasarkan pilihan bahasa dalam p&p sains dan matematik, prosedur pertukaran sekolah hendaklah dipatuhi.
 - 7.1 Pihak sekolah hendaklah sebaik mungkin mengekalkan murid yang telah mendaftar di sekolah masing-masing.
 - 7.2 Sekolah perlu seboleh mungkin memenuhi keperluan murid untuk meneruskan p&p sains dan matematik dalam bahasa yang telah mereka ikuti.
 - 7.3 Sekiranya perkara 7.1 dan 7.2 tidak dapat dipenuhi, maka permohonan pertukaran sekolah murid berdasarkan pilihan bahasa boleh dilaksanakan.

- 7.4 Bagi tujuan perpindahan murid seperti perkara 7.3, hendaklah disegerakan dan diberi pertimbangan khas oleh pihak PPD dan sekolah.
8. Sekiranya timbul sebarang isu atau keraguan di peringkat pelaksana dalam tempoh peralihan pelaksanaan Dasar MBMMBI, hal tersebut perlu dirujuk kepada pengurusan atasan.
9. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dasar MBMMBI dalam tempoh peralihan ini, satu pasukan petugas khas hendaklah ditubuhkan di peringkat KPM, JPN dan PPD.
- 9.1 Peranan pasukan petugas khas ini adalah untuk:
- 9.1.1 menjadi sumber rujukan pelaksanaan MBMMBI;
 - 9.1.2 memantau pelaksanaan MBMMBI;
 - 9.1.3 menyediakan laporan pelaksanaan MBMMBI;
 - 9.1.4 menyelaraskan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit; dan
 - 9.1.5 mengumpul data pelaksanaan MBMMBI.
- 9.2 Setiap pasukan petugas khas hendaklah mengadakan mesyuarat mingguan seperti berikut:
- 9.2.1 KPM – setiap hari Rabu dan dipengerusikan oleh KPPM
 - 9.2.2 JPN – setiap hari Selasa dan dipengerusikan oleh Pengarah JPN
 - 9.2.3 PPD – setiap hari Isnin dan dipengerusikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah
- 9.3 Keurusetiaan dan urusan pendokumentasian bagi pasukan petugas khas adalah seperti berikut:
- 9.3.1 KPM – diurusetiaikan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 - 9.3.2 JPN – diurusetiaikan oleh Sektor Pengurusan Sekolah
 - 9.3.3 PPD – diurusetiaikan oleh Sektor Pengurusan Sekolah

LAMPIRAN

JADUAL KERJA PELAKSANAAN DASAR MBMMBI TAHUN 2012

BIL.	TARIKH	PERKARA
1	11 November 2011	Taklimat Pelaksanaan Dasar MBMMBI kepada JPN.
2	15 November 2011	Taklimat Pelaksanaan Dasar MBMMBI oleh JPN kepada PPD.
3	18 November 2011	Taklimat Pelaksanaan Dasar MBMMBI oleh PPD kepada sekolah.
4	3 Disember 2011	Pendaftaran murid Tingkatan 1
5	3 & 4 Januari 2012	Sesi persekolahan 2012 bermula